



ISLAM DAN ILMU PENGETAHUAN

DR. HAJI ABDULLAH SIDDIK L.L.D.



ISLAM DAN ILMU PENGETAHUAN

Dr. HAJI ABDULLAH SIDIK, L.L.D.

**Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pelajaran Malaysia,
Kuala Lumpur.
1976**

Siri Pelajaran Tinggi DBP Bil. 83.

Disunting oleh Awang Mohamad Amin, B.A. (Indon.);
Cer. in Ed. (Malaysia).
(Bahagian Buku-buku Pelajaran DBP).

Cetakan Pertama 1976
Hakcipta Terpelihara

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
\$5.00

Untuk keinsafan nusa
dan bangsa: INDONESIA DAN MALAYSIA.

KANDUNGAN

| | Halaman |
|--|---------|
| Kata Sambutan | ix |
| BAHAGIAN I – Kata Pendahuluan | 1 |
| BAHAGIAN II – Islam | 24 |
| 1. Kitab Al-Quran | |
| 2. Dasar perdamaian abadi | |
| 3. Dasar persatuan | |
| 4. Dunia dan akhirat | |
| BAHAGIAN III – Ilmu Pengetahuan | 136 |
| 1. Pentingnya ilmu pengetahuan | |
| 2. Zaman keemasan Islam | |
| a. Zaman Baghdad di Timur | |
| b. Zaman Kordova di Barat | |
| 3. Zaman Mazhab | |
| a. Mazhab Hanafiyah | |
| b. Mazhab Malikiyah | |
| c. Mazhab Syafiiyah | |
| d. Mazhab Hanbaliyah | |
| BAHAGIAN IV – Kesimpulan | 215 |

Sambutan Menteri Ugama¹

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh!

Kami merasa gembira dapat mengabulkan permintaan pengarang buku Islam Dan Ilmu Pengetahuan ini, untuk memberi kata sambutan.

Sebagaimana namanya telah menunjukkan, maka buku ini mengupas tentang hubungan antara Ugama Islam dengan ilmu pengetahuan dan sikap Islam terhadap ilmu pengetahuan itu. Dalam buku ini, pengarang telah membuktikan bahawa Islam adalah memajukan ilmu pengetahuan, bahkan sempurnanya Ugama Islam itu adalah dengan ilmu pengetahuan.

Dalam zaman kebesaran Islam, pengarang melukiskan bagaimana berkembangnya ilmu pengetahuan itu, hingga dunia Barat rasanya tidak akan mendapat kemajuan sebagaimana yang sekarang ini dialami, kalau tidak mendapat sinar dan cahaya ilmu pengetahuan yang tempoh hari dikembangkan oleh umat Islam itu. Seterusnya pengarang menyatakan, bahawa kerana kemunduran umat Islam dalam bidang ilmu pengetahuan ini, maka mereka menjadi mundur, dan berabad-abad lamanya harus merasakan hinaan dan cercaan yang dilakukan oleh orang-orang bukan Islam terhadap mereka. “Islam adalah anti kemajuan; Islam adalah kemunduran; Islam adalah Ugama kolot” dan masih banyak lagi, adalah beberapa contoh “etiket” yang dialamatkan kepada umat Islam dan Ugama mereka.

¹ Menteri Ugama Indonsia – Penyunting.

Berabad-abad lamanya umat Islam berada dalam kemunduran yang sedemikian itu.

Tetapi keadaan yang sedemikian itu tidaklah berlangsung terus, dan timbulah ahli-ahli fikir Muslim menyedarkan diri umat Islam sendiri dan membangunkan mereka untuk giat belajar dan mengambil tiap-tiap butir ilmu dari mana pun datangnya, baik dari Barat maupun dari Timur.

Buku ini mengingatkan kepada kita, bahwa Islam adalah maju dengan kemajuan ilmu, dan Islam adalah mundur dengan kemunduran ilmu itu.

Untuk pemuda-pemuda Islam khususnya, buku ini hendaknya merupakan cambuk untuk menggali lebih dalam lagi tentang sumber-sumber pengetahuan yang pernah diwujudkan oleh ahli-ahli fikir Muslim, sebagaimana untuk para pembaca umumnya, buku ini hendaknya menimbulkan pengertian yang sebenarnya tentang sikap Islam terhadap ilmu pengetahuan.

Berpuluh-puluh buku, baik yang dikarang oleh pengarang-pengarang Islam maupun oleh pengarang-pengarang bukan-Islam, di samping Al-Quran dan Al-Hadis yang dinukil oleh pengarang buku ini, dapatlah kiranya dipergunakan sebagai bahan oleh para pembaca yang ingin menyelidiki lebih lanjut tentang hubungan antara Islam dengan ilmu pengetahuan.

Sebagaimana buku yang pertama Rukun Islam V, maka buku ini dikarang dengan gaya bahasa yang mudah dan dengan secara ‘populer wetenschappelijk’,² hingga dengan demikian buku ini dengan mudah dapat dibaca oleh siapa saja.

Pada pengarang buku ini, Mr. A. Siddik, yang di samping pekerjaannya di Departemen Luar Negeri,³ masih dapat menyelidiki buku-buku yang tebal untuk menyusun buku ini, kami menyatakan penghargaan yang sebesar-besarnya.

²Bahasa Belanda yang bererti lebih kurang: ‘disukai dan sesuai untuk bacaan umum’ — Penyunting.

³Sekarang beliau menjadi pensyarah di Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya — Penyunting.

Mudah-mudahan buku ini mendapat sambutan yang se-mestinya dan bermanfaat adanya.

Wasalam.

Jakarta, 27 Disember 1960.
MENTERI UGAMA R.I.⁴

⁴ Republik Indonesia — Penyunting.

Bahagian I

Kata Pendahuluan

Tiap-tiap manusia di dunia ini, jika ia mahu hidup bahagia, hendaklah ia mempunyai dasar tujuan hidup. Bagi manusia yang ada Tuhan, dasar itu ialah: Ugama, kerana seseorang yang tidak berugama adalah sebagai sebuah perahu yang tidak mempunyai dayung, yang terkatung-katung di lautan yang luas; dengan tiada bertujuan.

Berkata Abdurrahman Azzam Pasha:¹

“Di dalam kemajuan sekarang sesungguhnya terdapat nikmat kebahagiaan yang tiada hingganya. Dengan kemajuan alat dan ilmu pengetahuan orang telah dapat menaklukkan berbagai-bagai kesukaran dan marabahaya. Dengan kemajuan alat dan ilmu pengetahuan, produksi dapat diperbanyak hingga berlipat ganda, berbagai macam penyakit dapat diberantas, tanah-tanah pertanian dapat dipergandakan hasilnya, kota-kota dan tempat-tempat kediaman dapat diperindah, alat-alat untuk kesenangan dapat dicukupkan dan dilengkапkan.

Dengan kemajuan kebendaan dalam masa seabad

¹ Abdurrahman Azzam Pasha: **Risalah Khalidah**, Cairo, 1365 H. Terjemahan. Abdullah Aidid; Jakarta, 1951, hal: 215 dan 216.

ini dunia telah dapat melangkah jauh lebih luas dari langkah kemajuan yang didapatnya dalam beberapa abad yang lalu.

Tetapi sayang dalam masa satu abad ini pula kemajuan rohani dan moral yang dapat dihasilkan dalam beberapa abad lamanya itu hampir tenggelam di dalam banjir kemajuan yang bersifat kebendaan itu. Oleh silau-nya kemajuan kebendaan, manusia sampai lupa kepada Allah; dan oleh kerana itu Allah membiarkan mereka lupa kepada diri mereka sendiri.

Di dalam satu abad ini kehidupan jiwa dan moral runtuh dihadapan tekanan kekuatan hidup kebendaan. Alat-alat yang buta tuli itu telah menguasai dan membantingkan ke tepi dasar-dasar ugama, akhlak dan adat-istiadat sampai menjadi lumpuh dan tinggal sebagai bangkai yang tidak bergerak. Sehingga tumbuhlah keragu-raguan orang akan harga dan kegunaan kehidupan rohani dan budi pekerti akhlak itu. Dan selanjutnya tumbuh dan meratalah perasaan kurang penghargaan atas ugama dan akhlak

. . . . Dengan nama kemerdekaan perempuan, kita runtuhkan kemakmuran rumahtangga dan kita keruhkan ketenteraman dan ketenangan hidup kekeluargaan; dengan nama kemerdekaan tanahair, kita koyak-koyakan tanahair orang lain; dengan nama kemerdekaan bekerja dan kemerdekaan menjalankan kapital, kita matikan kapital orang lain dan kita memperhambakan sesama umat manusia dan dengan nama mendirikan kemerdekaan, kita tumpaskan kemerdekaan perseorangan, kemerdekaan golongan dan kemerdekaan berfikir”.

Mendengar kata-kata Abdurrahman di atas, maka terbayanglah pada kita sabda Nabi Besar Muhammad s.a.w. yang diucapkannya lebih dari 1300 tahun yang lalu iaitu dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tarmizi dari Ali r.a.:

“Ingatlah bahawa akan timbul kekacauan dan kekalutan di mana-mana. Lalu Imam Ali bertanya: “Apakah yang dapat mengeluarkan atau menyelamatkan

umat manusia dari kekalutan itu, wahai Rasulullah?” Maka Nabi bersabda: “Yang dapat melepaskan atau menyelamatkan umat manusia dari kekalutan itu, hanyalah Kitabullah (Al-Quran). Di dalamnya berisi sejarah umat manusia yang sebelum kamu; dan pemberitahuan tentang yang akan terjadi pada kemudian hari; dan undang-undang untuk masyarakat kamu sekarang ini. Quran itu adalah undang-undang yang sebenar-benarnya, bukan main-main! Barang siapa yang menyingkirkan Quran dari masyarakatnya, kerana kesombongan, mereka akan dilaknat Allah. Dan barang siapa yang mencari tuntunan hidup selain dari Al-Quran, mereka akan disesatkan Allah. Quran itulah tali Allah yang amat teguh (tali yang dapat mengikat umat manusia menjadi satu, sekalipun berlain-lainan bangsanya dan bermacam-macam bahasanya). Quran itulah peringatan atau pengajaran yang amat bijaksana. Quran itulah jalan atau tuntunan hidup yang adil, lurus”.

Sungguh benar, kita melihat di dunia sekarang ini, kemajuan ilmu (sains) dan teknik telah begitu memuncak, tetapi cita-cita hidup bahagia masih belum tercapai, kerana kebanyakan manusia mendasarkan cita-cita hidupnya semata-mata pada serba benda (materialisme). Sedangkan ugama Islam hampir empat belas abad yang lalu telah memperingatkan umat manusia bahawa cita-cita hidup yang sedemikian itu adalah sesat: Surat Ali-'Imran, 185:

“tidaklah hidup di dunia ini, melainkan mata benda yang memperdayakan.”

Surat Ibrahim, 3:

“Bagi mereka yang lebih mencintai hidup dunia dari akhirat dan menghalangi jalan Allah, dikehendakinya supaya jalan itu menjadi bengkok; mereka itu adalah dalam kesesatan yang jauh.”

Surat Ar-Rum, 41:

“Telah tersiar bencana di daratan dan di lautan, supaya mereka merasa sebahagian dari balasan amalannya, mudah-mudahan mereka kembali kepada kebenaran (Tuhan).”

Insaf akan kesesatan inilah, maka dunia pada abad yang kedua puluh mulai beransur-ansur kembali kepada ajaran ugama sebagai cara untuk mengatur kehidupan dan terutama ditujukan kepada ajaran ugama Islam yang menganjurkan perimbangan antara kehidupan rohani dan kehidupan kebendaan.

Surat Al-Qasas, 77:

“Buatlah amalan untuk mengharapkan pahala di alam akhirat, tetapi hendaklah kamu jangan melupakan nasib hidupmu dalam alam dunia”. Diperjelaskan lagi oleh Rasul Allah dengan sabdanya (H.R. Bukhari):

“Bekerjalah untuk duniawi seolah-olah engkau akan hidup selama-lamanya dan bekerjalah untuk akhiratmu seolah-olah engkau akan mati besok.” Dan, “Sebaik-baik kamu ialah orang yang tidak meninggalkan dunianya kerana akhiratnya dan tidak meninggalkan akhiratnya kerana dunia.”

Bagi kita kaum Muslimin dasar tuntunan hidup itu ialah ugama Islam dengan Kitab Sucinya: Al-Quranul Karim, di mana ia memberi tiga asas untuk peribadi manusia agar selamat mengharungi lautan hidupnya, iaitu: Iman, Ilmu dan Amal:

Surat Al-Maidah, 25:

“Hai orang-orang yang beriman! Takutlah kepada Allah; carilah jalan untuk dekat kepadanya dan berjuanglah dengan hebat pada jalan Allah, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan.”

Bila salah satu dari tiga asas ini diabaikan, maka hilanglah keseimbangan hidup manusia dan terjadilah suatu kepincangan rohani yang akhirnya mengakibatkan kepincangan dan kecurangan dalam berfikir, bertindak dan berbuat. Lebih lanjut bacalah buku karya saya: Islamologi.

Di dalam Al-Quran yang berisi 114 Surat dan beribu-ribu ayat itu terdapat pula tiga garis besar sebagai dasar yang sangat berguna bagi tujuan hidup atau pedoman tuntunan hidup manusia:-

I. QASASUN:

Iaitu, sejarah umat manusia dari zaman purbakala, sejak dari zaman Nabi Adam a.s. sampai ke zaman kerasulan Muhammad s.a.w. selaku Nabi yang terakhir.

Sejarah itu bukan sahaja membentangkan sejarah azab seksa yang menimpa umat manusia yang menentang ajaran Rasul-Rasul yang diutus oleh Allah kepada masing-masing umat, tetapi juga sejarah hidup bahagia yang dinikmati oleh umat manusia yang mengikuti dan mentaati ajaran Rasul-Rasul yang diutus oleh Allah kepada mereka itu. Umpamanya: Surat Al-A'raf, 11 dan berikutnya riwayat yang mengenai dengan Adam; ayat 103 dan berikutnya riwayat yang mengenai dengan Nabi Musa; Surat Maryam, 16 dan berikutnya riwayat yang mengenai dengan Nabi Isa dan Nabi Ibrahim. Semua riwayat itu dihuraikan untuk menjadi pelajaran dan peringatan bagi manusia yang beriman, sebagaimana firman Tuhan dalam Surat Hud, 120: "Masing-masing riwayat itu kami kisahkan kepadamu, iaitu di antara perkhabaran Rasul-Rasul, untuk menetapkan hatimu. Di dalam riwayat itu datang kebenaran kepadamu serta pelajaran dan peringatan bagi orang-orang yang beriman."

II. BUSYRA WA INZARUN:

Iaitu, pemberitahuan balasan bahagia bagi umat manusia yang tunduk patuh (taqwa) pada perintah Allah dan ancaman seksa bagi mereka yang derhaka, yang semuanya itu akan ditemui oleh umat manusia di akhirat pada hidup yang abadi itu (Surat Al-Waqi'ah).

Pemberitahuan tersebut dimaksudkan supaya manusia sewaktu hidupnya di dunia ini hendaklah bersungguh-sungguh melakukan amal ibadat sebagai bekal untuk akhirat dan supaya manusia berhati-hati dalam menjalankan hidup dan ke-

hidupannya; supaya tidak terjerumus kepada dosa dan kejahanan yang dapat mengakibatkan celaka dan sengsara di akhirat nanti.

III. AHKA MUSYSYARI'ATI: أحكام الشرعية

Iaitu, tata-tertib hidup yang harus dilakukan oleh umat manusia selama hidup di dunia, satu undang-undang Allah untuk umat manusia, yang sempurna, yang praktis, yang dapat dipakai untuk segala zaman dan yang dapat dilakukan oleh manusia, sesuai dengan kemampuan dan keperluannya dalam masalah hidup.

Islam mengakui asas kemerdekaan manusia, tetapi kemerdekaan itu tidaklah boleh leluasa dan harus dibatasi demi untuk **kemuslihatan** masyarakat dan manusia itu sendiri. Oleh kerana itu Allah meletakkan dasar batas kegiatan manusia dan batas (had) ini terperinci dan dinamakan: **hukum**. Dengan hukum ini kegiatan manusia disalurkan ke dalam batas-batas tertentu yang bermanfaat bagi manusia baik sebagai perseorangan maupun sebagai masyarakat.

Sebagaimana kita alami, manusia itu mempunyai jasad dan roh. Di antara undang-undang Allah itu ada yang mengenai jasad dan ada pula yang mengenai rohnya manusia.

Ugama dan hukum merupakan perintah-perintah yang nampaknya berlainan, tetapi saling mengisi satu sama lain dan mempunyai tujuan yang satu, iaitu: **kemuslihatan manusia**.

Dasar **Iman** mengatur kehidupan rohaninya bagi hidup di akhirat, sedangkan dasar **Syariat** (hukum positif) mengatur kehidupan manusia di dunia. Intisari dari **Iman** ialah di hati sanubari manusia dan merupakan urusan perseorangan. Hanya Allah sahaja yang dapat mengetahui apa sebenarnya yang ada di hati sanubari manusia itu. Sedangkan intisari dari pada **Syariat** adalah **tindakan-tindakan** manusia yang nampak dilakukannya secara **lahiriyah**.

Semua yang dikemukakan di atas diakui kebenarannya oleh sarjana bukan-Muslim sekalipun, setelah mereka mempelajari secara saksama undang-undang Allah dalam Al-Quran. Salah seorang di antara mereka itu pernah berkata (Prof. David de Santillana dari Universitas Rome mengenai Syariat):²

"The Quranic revelation styles itself a law of liberty, an act of mercy vouchsafed by God to mankind, in order to soften the rigidity of the preceding revelations. Islam is a reversion to natural law, to the primitive faith of the patriarchs (Noah or Abraham) which had been corrupted and adulterated by Jews and Christians. The new law suppresses the austeries and the numerous interdictions imposed upon the Jews by the Mosaic law, abolishes the macerations of Christianity, and declares its willingness to comply with the weakness and frailty of man, and the practical necessities of life. 'Ease the way, do not make it rougher': such were the instructions usually imparted by the Prophet to his missi dominici. "Allah lays upon each man only what he can fulfil." Islam has a tendency towards mysticism, but not towards asceticism. It formally disapproves of the exaggeration of austerity, which weakens the body and suppresses the natural instincts of man. It exhorts the believer to enjoy the 'good things' granted by God, provided he observes due measure and obeys the precepts, not numerous in themselves nor very strict, of the Quranic revelation.

Islamic law favours every practical activity, and holds in great esteem agriculture, commerce, and every kind of work; it censures all those who burden others with their maintenance, requires every man to keep himself by the produce of his own labour, and does not despise any sort of work whereby man may make himself independent of others. 'L'Islam est une religion d'hommes', says Renan. Considering its spirit, therefore, we see that the tendency of Islamic law is to allow human action the widest limits, and we may agree with the Muslim jurists, when they teach that the fundamental rule of law is liberty.

²Sir Thomas Arnold dll. :The Legacy of Islam. Oxford, 1931. hal: 288-290.

But this liberty (عِبَادَة) cannot be unlimited. Man is by his very nature greedy and ungrateful, covetous of other men's goods, niggardly of his own, disposed to sloth, ungrateful for the blessings that God has bestowed upon him. Human society would not have been possible, and the individual himself would not have been able to subsist, had God allowed free scope to the appetites of every individual as well as to the injustice and violence of all. God has therefore set a bound to human activity, and this bound (حُدُود) is precisely what we call law (حُكْم) which restrains human action within certain limits, forbidding some acts and enjoining others, and thus restraining the primitive liberty of man, so as to make it as beneficial as possible to the individual or to society.

Naturally, law cannot deal with every detail, but only with a restricted number of cases having legal significance. The Roman jurists had said: *Legis virtus haec est, imperare, vetare, permittere, punire.*

Islamic law, true to its religious character, adds to these two fresh provinces of legal interference, namely 'things admissible' and 'things reprehensible'. Leaving aside for the moment the penal section, we thus obtain five categories representing the whole body of positive law. Whatever their form, these rules tend to the same end and have the same purpose, that is the public weal (*maslaha*). Accordingly, law, divine in its origin, human in its subject-matter, has no other end but the welfare of man, even if this end be not at first sight apparent: for God can do nothing which does not express the wisdom and mercy of which He is the supreme source.

Man, being both soul and body, has a twofold life, moral and physical. Among the rules of limits laid down by God for the discipline of mankind, some have reference to the life of the soul, some to the life of the body. Religion and law are two distinct orders, but complementary to each other, being strictly connected through their common end, which is the welfare of man. The principles of faith ('beliefs') regulate the spiritual life and determine what man should believe in order to attain eternal life. Positive law (*shariah*, the straight way) is the discipline of human activity as directed to earthly purposes, and is the necessary com-

plement, the body of that organism of which faith is the soul. The proper sphere of faith is the heart, that is to say the inner life of man. Positive law cannot take this into account. Faith is a personal affair, of which God is the sole judge, because He alone knows the heart of man. The proper sphere of positive law is the actions of man as far as their external manifestations are concerned”.

Jika umat manusia mentaati dan menjalankan undang-undang Allah dalam Al-Quran itu, sesungguhnya ia akan beroleh bahagia di dunia dan di akhirat, sebagaimana Allah telah menjanjikan hal itu di dalam firmanya pada Surat An-Nahl, 97:

“Barang siapa yang beramal salih (mengerjakan kebaikan), mahupun laki-laki atau perempuan, serta dilakukan dengan penuh keimanan, nescaya akan diberi Allah kehidupan yang bahagia di dunia serta nanti di akhirat akan dibalasi oleh Allah dengan pahala yang terlebih baik dari usaha yang telah diperbuat itu”.

Dengan ugama Islam yang berdasarkan iman kepada Allah s.w.t. itu, menelaah dan menyiasati undang-undang alam yang ditegaskan oleh Al-Quran supaya direbut dan ditunjukkan bagi kepentingan manusia seluruhnya iaitu ilmu, menyuruh mengerjakan kebajikan dan melarang memperbuat kejahanan iaitu amal, betul-betul terwujudlah hendaknya seperti isi firman Allah: bahawa umat Islam itu adalah sebaik-baik umat:

Surat Ali-'Imran, 110:

“Kamulah wahai umat Islam, yang sebaik-baik umat, yang dibangkitkan untuk kepentingan umat manusia seluruhnya, supaya kamu perkuatkan apa yang benar dan kamu cegah apa yang salah dan kamu beriman kepada Allah s.w.t.”

Tetapi bagaimakah keadaan umat Islam pada zaman-zaman yang belakangan ini?

Dalam meninjau keadaan umat Islam di seluruh dunia umumnya dan kaum Muslimin di Indonesia dan di Malaysia